

26/05/2001

Pengusaha IKS disaran teroka pasaran antarabangsa

Veena Rusli; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara ini perlu berusaha memasuki pasaran negara Asean yang sudah menurunkan duti importnya antara sifar hingga lima peratus, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengusaha IKS juga mesti terus meluaskan pasaran di negara yang didapati mengalami peningkatan dari segi kuasa beli di kalangan rakyatnya.

Justeru, katanya, kelembapan ekonomi dunia tidak boleh dijadikan alasan yang menghalang pengusaha IKS meneroka pasaran baru.

"Kerajaan boleh dianggap sebagai venture capitalist yang menyokong kegiatan IKS, tetapi sokongan ini hanya akan diteruskan jika pengusaha IKS tidak bertumpu kepada pasaran domestik semata-mata.

"Pengusaha IKS mesti berani meneroka pasaran antarabangsa yang lebih luas dan menghasilkan keuntungan lebih elok," katanya mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Konvensyen IKS 2001 di Hotel Diamond Puteri di sini, hari ini.

Konvensyen dua hari bertema `Ke Arah Perdagangan Global Menjelang Kawasan Bebas Perdagangan Asean (Afta) 2003' itu dianjurkan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK).

Hadir sama Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman; Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman dan Yang Dipertua DPMMNK, Nik Abdul Rahman Nik Taib.

Pada masa ini, Abdullah berkata, lebih 98 peratus barang dagangan di enam negara Asean iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina dan Malaysia berada dalam Skim Keutamaan Am Berkesan (CEPT) dengan tarif 92.7 peratus daripada produk berkenaan tidak melebihi lima peratus.

Selain itu, jelasnya, anggota baru Asean seperti Myanmar, Kemboja, Laos dan Vietnam meletakkan tarif 55.4 peratus daripada barang dagangan mereka di bawah lima peratus.

"Bagi melengkapkan diri untuk menjadi pengeluar yang lebih cekap dan berdaya saing, pengusaha IKS boleh menyertai Program Pembekal Global (GPS) yang diperkenalkan kerajaan.

"Ia bertujuan membangunkan daya saing dan meningkatkan keupayaan syarikat IKS tempatan sebagai pembekal komponen serta peralatan kepada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar bukan saja di Malaysia, bahkan juga rangkaian operasi global mereka.

"Syarikat IKS yang ingin menerokai pasaran global atau menjadi pembekal kepada MNC mesti komited untuk mencapai tahap prestasi tertinggi menerusi peningkatan kemahiran dan teknologi secara berterusan.

"Selain itu, syarikat IKS juga perlu meningkatkan keupayaan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi meningkatkan pengeluaran serta kecekapan mereka.

"Perkembangan penggunaan ICT akan mengubah cara pengendalian perniagaan kerana kebanyakan syarikat besar dan MNC akan menyalurkan aktiviti perkilangan kepada syarikat IKS bagi membolehkan mereka memberi tumpuan kepada penyelidikan, pembangunan serta strategi pemasaran," katanya.

Abdullah berkata, syarikat IKS mesti melengkapkan diri dengan ICT bagi membolehkan mereka berurusan secara terus dengan syarikat besar dan MNC, manakala perdagangan elektronik (e-dagang) harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk menembusi pasaran global secara elektronik.

Sambil menegaskan kerajaan sudah memperkemaskan dasar bagi memastikan produk Malaysia dapat bersaing di pasaran global, beliau berkata perancangan itu hanya akan berkesan jika pengusaha IKS mengambil bahagian dengan bersungguh-sungguh.

Selain itu, beliau mengingatkan golongan usahawan supaya mempunyai iltizam tinggi kerana kerajaan hanya boleh menyediakan kemudahan dan persekitaran sesuai manakala hasil sebenarnya bergantung kepada kesanggupan pengusaha menguruskan perniagaannya.

(END)